



Pameran Reka Bentuk STEDex' 09 Memberikan Impak Positif Kepada Industri Rekabentuk Di Malaysia



Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Prof. Madya Dr. Osman Mohd Tahir sedang menerangkan pelancaran Virtual Library Museum Pages (VLMP) kepada Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Prof. Dato' Dr. Ir. Radin Umar Radin Sohadi dan Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

SERDANG, 19 November - Pameran Reka Bentuk Sustainable Tropical Environmental Design Exhibition (STEDex' 09) mampu memberikan impak yang positif kepada industri rekabentuk di Malaysia. Secara tidak langsung pihak universiti dapat berkongsi ilmu bersama jaringan industri dalam memperkukuhkan lagi industri seni rekabentuk di negara ini.

Harapan dan komitmen ini diluahkan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi, Prof. Dato' Dr. Ir. Radin Umar Radin Sohadi dalam majlis perasmian pameran STEDex'09 yang dianjurkan Fakulti Rekabentuk dan Senibina, UPM.

"Ianya sejajar dengan hasrat UPM untuk menjadi sebuah universiti bereputasi antarabangsa serta sebagai pusat pembelajaran dan penyelidikan utama di negara ini. Saya percaya dengan pelaksanaan program ini akan memberi manfaat yang besar kepada perkembangan ilmu dan kepakaran dalam bidang seni reka bentuk serta dapat menyumbang kepada pencapaian UPM sebagai universiti penyelidikan di peringkat antarabangsa," katanya lagi.

Pameran dan persidangan ini diadakan bertujuan untuk mempamerkan dan membentangkan hasil reka bentuk dan seni bina yang dihasilkan oleh pensyarah serta pelajar UPM di samping untuk meningkatkan budaya aktiviti pembangunan dan penyelidikan (R&D). Sebanyak 11 pameran dan seramai 15 peserta yang terlibat menjayakan persidangan pada kali ini.



Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB) , Prof. Madya Dr. Osman Mohd Tahir berkata bagi memenuhi keperluan pengiktirafan pameran berindeks, pihak fakulti telah berusaha memperoleh keahlian fakulti melalui UPM dalam International Council Museum (ICOM) .

Kini, FRSB berusaha untuk mengeluarkan katalog rekabentuk dan penyediaan laman web Virtual Library Museum Pages (VLMP FRSB UPM) yang akan diletakkan di bawah laman web ICOM. Malah, fakulti turut menghantar wakil ke ibu pejabat ICOM di Perancis bagi membincangkan lebih lanjut perkara berkenaan," katanya lagi.

Seminar SUSTed 2009 turut diadakan yang membincangkan mengenai isu Sustainable Environmental Design yang dipengerusikan oleh pembentang jemputan iaitu Prof. Chris Rust, Director Sheffield Institute of Arts, Sheffield Hallam University, United Kingdom dan Prof. Dr. Richard Hyde, Head of the Architectural and Design Science Discipline, University of Sydney, Australia.

Majlis tersebut turut menyaksikan pelancaran Virtual Library Museum Pages (VLMP) FRSB, UPM oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi serta penyampaian Kad Keahlian UPM dalam ICOM Malaysia oleh President ICOM Malaysia, Y. Bhg. Dato' Dr. Adi Hj. Taha kepada Naib Canselor, UPM Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM.

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia